



SYED HISHAM (kiri) menyerahkan replika kunci kepada Dr. Mohamed Said di Kuantan semalam.

UMP terima sumbangan kereta bagi penyelidikan

KUANTAN - Bagi tujuan penyelidikan, Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) bermurah hati menyerahkan sebuah kereta SAVVY 1.2 kepada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pengarah Urusan EON Berhad, Datuk Syed Hisham Syed Wazir berkata, sumbangan kereta itu adalah pertama kali dilakukan bagi memudahkan fakulti tersebut melakukan penyelidikan berkaitan teknologi kereta yang menggunakan kuasa elektrik.

"Mereka telah melakukan satu usaha positif dengan mengambil langkah menjalankan penyelidikan kenderaan beroperasi menggunakan bateri (Motorized Battery Operated Vehicles atau MBOV).

"Bagi kami, penyelidikan seperti ini amat penting dan mungkin menjadi titik tolak menggantikan minyak yang menjadi sumber utama penggerak kenderaan masa kini kepada tenaga alternatif lain seperti elektrik.

"Oleh itu, kami berharap dengan pemberian kenderaan ini ia dapat memudahkan lagi kerja-kerja mereka, sekali gus mempercepatkan

hasil penyelidikan yang dilakukan," katanya pada sidang media di UMP, di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau turut berpuas hati dengan kerjasama antara UMP (bahagian penyelidikan) dan EON menerusi Akademi Saga yang dijangka mampu membuahkan hasil memberangsangkan.

"EON mengadakan kerjasama ini atas dasar situasi menang-menang di mana kami saling bantu-membantu untuk mempelbagaikan penyelidikan inovatif dan menyumbang kepada industri automotif negara.

"Di samping itu, kita akan membuka peluang kepada para pelajar mengikuti latihan profesional dan berkualiti tinggi kepada mereka yang berminat," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela berkata, pihaknya amat berbesar hati dengan pemberian kereta model SAVVY berkenaan.

"Sumbangan ini membolehkan Fakulti Kejuruteraan Elektrik melakukan penyelidikan susulan kepada projek elektrik pertama iaitu MBOV Proto-1 yang menggunakan fabrikasi model sendiri," katanya.